

21 FEB 1997

ANWAR AKAN UMUM DATA EKONOMI "MAKMUR DAN ALIRAN NAIK" ESOK

Oleh: Mohd Rizal Razalli & Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau akan mengumumkan perangkaan mengenai pertumbuhan ekonomi negara esok yang disifatkannya sebagai "sudah tentu beraliran naik dan makmur."

"Kita agak konservatif dalam membuat anggaran tetapi keyakinan pada keseluruhannya memang ada," katanya pada persidangan pelaburan HG Asia di sini.

Anwar berkata beliau akan mengumumkan perangkaan itu pada mesyuarat Majlis Kewangan Negara di sini esok yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun beliau tidak menjelaskan tentang bentuk perangkaan itu, para penganalisis membuat spekulasi bahawa Anwar akan mengumumkan perangkaan mengenai pencapaian dagangan luar negara Malaysia.

Dalam 11 bulan pertama 1996, Malaysia mengalami imbalan dagangan luar yang bertambah baik, mencatatlam defisit RM1.5 bilion berbanding dengan defisit RM8.5 bilion dalam tempoh yang sama pada 1995.

November 1996 menyaksikan defisit dagangan yang lebih kecil iaitu RM523.1 juta bila dibandingkan dengan defisit RM782.7 juta dalam Oktober 1996.

Spekulasi mengenai perangkaan dagangan luar yang menarik itu dan yang akan diumumkan oleh Anwar esok telah mencetuskan keghairahan di kalangan peserta pasaran.

Walaupun keberatan untuk memberikan anggaran mengenai perangkaan dagangan yang mungkin diumumkan oleh Anwar esok, Christopher Podbury, pengarah eksekutif HA Options and Financial Futures, berkata banyak pelabur menjangkakan satu pengumuman mengenai perkara itu esok.

Bila Anwar menyatakan yang perangkaan itu akan "berarah aliran naik dan makmur," para pelabur telah mengambilnya sebagai satu isyarat bagi perangkaan lebih, tambahnya.

Seorang pengurus penyelidikan pula berkata beliau menjangkakan perangkaan yang berarah aliran naik bagi mengadakan sokongan tambahan kepada sentimen meningkat di pasaran saham.

"Angka akaun semasa kita bercorak menurun dan satu perangkaan ekonomi yang makmur akan menghapuskan kebimbangan mengenai terlampau pesat berkembang bagi 1996. Gambarnya akan jauh berbeza dalam 1997," tambahnya.

-- BERNAMA

RIZ AD SIA